



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 8888 1480
8888 3381
Faks : 8888 4479

JPA(S) 63/168/1 Jld. 3 (4)

1 Jun 2021

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YB/YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**SUMBANGAN PENJAWAT AWAM MELALUI PENGURANGAN
ELAUN DALAM MENDEPANI PANDEMIK COVID-19**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana kita semua sedia maklum, negara kini berdepan dengan cabaran kritikal disebabkan penularan wabak COVID-19 yang berpanjangan yang memberikan kesan kepada seluruh rakyat Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, sebagai tanda kebersamaan penjawat awam dalam menyokong usaha Kerajaan bagi menangani keadaan semasa, adalah diputuskan supaya penjawat awam lantikan tetap dan kontrak yang sedang berkhidmat turut menyumbang ke dalam Akaun Amanah Bencana melalui pengurangan sebahagian dari Imbuan Tetap Keraian (ITK) atau Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA).

4. Pengurangan sebahagian dari ITK dan ITKA adalah mengikut kadar dan tempoh seperti berikut:

GRED	KADAR SUMBANGAN	TEMPOH
i. Gred Utama A/ Gred Khas A dan setara ke atas	50% daripada ITK yang diterima	Julai, Ogos & September 2021 (tiga bulan)
ii. Gred Utama B/ Gred Khas B dan setara	20% daripada ITK yang diterima	
iii. Gred Utama C/ Gred Khas C dan setara	10% daripada ITK yang diterima	
iv. Gred 43 – 56 dan setara	5% daripada ITK/ITKA yang diterima	
v. Gred 29 – 42 dan setara	RM10 daripada ITKA yang diterima	

5. Ketua Jabatan hendaklah melaksanakan pengurangan ITK atau ITKA pegawai mengikut kadar sumbangan dan tempoh berdasarkan ketetapan di perenggan 4.

6. Walau bagaimanapun, bagi tujuan pengiraan faedah persaraan pegawai yang bersara dalam tempoh ini, kadar ITK dan ITKA asal akan diguna pakai dan tidak akan menjejaskan pemberian faedah persaraan di bawah Akta Pencen 1980 atau Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

7. Pelaksanaan ini **dikecualikan** kepada Anggota Barisan Hadapan (*frontliners*) merangkumi petugas-petugas Kesihatan dan bukan Kesihatan yang terlibat secara langsung bagi pembendungan serta pengawalan wabak COVID-19 tertakluk kepada pengesahan Ketua Jabatan masing-masing.

8. Pelaksanaan pengurangan ini turut dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI)